

Tanduo menang Filem Terbaik FSDP

UM 25.12.2013 26

KOTA KINABALU 24 Dis. - Filem *Tanduo* yang mengisahkan perjuangan anak-anak muda mempertahankan kampung mereka daripada serangan penceroboh, berjaya meraih enam anugerah termasuk Filem Terbaik dalam Festival Skrin Digital Pelajar (FSDP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun ini.

Filem tersebut juga membolot anugerah Kesan Khas Visual Terbaik, Penataan Bunyi Terbaik, Lakon Layar dan Cerita Asal Terbaik, Filem Pilihan Penonton dan Pengarah Terbaik.

Pengarah dan juga penerbitnya, Mohd. Sopi berkata, beliau dan krew produksi filem mengambil masa tiga bulan untuk menyiapkan

filem berdurasi 18 minit itu.

"Tiga bulan masa yang diambil oleh saya dan 11 ahli produksi untuk menyiapkan filem ini penuh cabaran seperti kekangan bajet, masa, cuaca dan kekurangan peralatan," kata yang juga pelajar tahun tiga program Teknologi Seni Visual, Sekolah Pengajian Seni (SPS), UMS.

FSDP itu dirasmikan oleh Penolong Pengarah, Unit Latihan Industri Finas, Zainuddin Aman. Yang turut hadir, Dekan SPS, Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid; Timbalan Dekan (HEPA), Dr. Zairul Anuar Md. Dawam dan pensyarah-pensyarah SPS.

FSDP yang julung kali dianjurkan SPS menyaksikan penyertaan 18

buah filem yang dihasilkan oleh pelajar SPS termasuk juga dari Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), UMS Kampus Antarabangsa Labuan dengan menawarkan sebanyak 14 anugerah.

Tambah Mohd., idea menghasilkan filem itu ekoran daripada kejadian serangan pengganas yang berlaku awal tahun ini dan idea tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk visual yang digemari oleh penonton, termasuk juga juri festival.

Katanya, sepanjang menyiapkan *Tanduo*, beliau sentiasa diberikan dorongan dan bantuan oleh para pensyarah yang sentiasa memberikan komen, teguran dan nasihat.

Sementara itu, Penyelaras FSDP,

M. Fazmi Hisham berkata, penganjuran festival itu bertujuan memberikan pengiktirafan hasil kreativiti dan produk filem yang diterbitkan oleh pelajar UMS.

"Selain pengiktirafan, menerusi FSDP juga para pelajar terbabit dapat mempamer, menayang dan berkongsi produk filem mereka dengan pelajar dan penonton," katanya.

Tambahnya, penonton yang hadir semasa festival filem itu turut menggesa agar FSDP dibuka penyertaannya kepada pusat pengajian tinggi awam dan swasta di Sabah untuk turut menyertainya, sekali gus meningkatkan persaingan untuk menghasilkan filem pendek berkualiti.

MOHD. Sopi bersama trofi yang dimenangnya menerusi filem pendek *Tanduo* dalam Festival Skrin Digital Pelajar (FSDP), UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.